

Newspaper	Berita Harian
Date	10/2/2012

Najib tidak pernah jemu hadapi gelagat rakyat

Pemimpin akar umbi kena kerja kuat, elak kemelut pastikan BN menang besar PRU-13



KAMERA fokus ke wajahnya, walaupun hanya seketika tetapi sudah cukup bagi yang memerhati melihat riak ketelihan. Cermin mata ditanggal, mata ditutup seketika tetapi mendengar setiap patah ayat yang diucapkan dijaentas.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adrian Yaakob, juga dapat melihat wajah sedikit lelih itu apabila memulakan ucapan dengan bercerita mengenai jadual terlalu padat tiba di Kuantan selepas tengah malam, bangun awal pagi untuk memenuhi hampir semua jemputan yang dirancang yang memakan masa sehari suntuk.

"Bagi saya (sejak menjadi Perdana Menteri), siang saya semakin panjang, malam saya semakin pendek tetapi pada saya ia satu tanggungjawab dan kewajipan yang saya reda. Kepuasannya tidak lain dan tidak bukan untuk melihat Malaysia maju dan rakyat kita sejahtera," kata Datuk Seri Najib Razak tenang, menyambut ucapan Adnan pada satu majlis di Kuantan, Sabtu lalu.

Mereka yang mengikuti pergerakan Perdana Menteri ini tidak dapat lari daripada berbual mengenai corak kerja pemimpin nombor satu negara ini, yang selagi mungkin tidak mahu menghampakan permintaan mereka yang membuat pelbagai majlis dan mahu beliau sendiri menghadirinya.

Payah mereka melihat Najib merungut atau marah atau mengadu kepenatan. Walau penat atau kecewa sekali pun, apabila tiba di majlis seterusnya, bibir merahnya akan terus merekah senyum.

Justeru, apabila ada yang menceritakan beliau kecewa apabila berhadapan dengan pelbagai gelagat manusia, tidak kira daripada parti pembangkang, mahupun ahli dan pemimpin Barisan Nasional (BN) sendiri, ramai tidak dapat membayangkan bentuk kemarahan yang dipamerkan.

"Pada saya, sebagai pucuk pimpinan kalau kita hendak suruh orang lain bekerja kuat, kita sendiri kena kerja kuat. Ini yang disebut sebagai leadership by example' (kepemimpinan melalui teladan).

"Kita tidak boleh menyuruh orang lain melakukan sesuatu seperti bekerja kuat, kalau kita sendiri tidak melakukan perkara saraa," kata Najib yang secara tidak langsung menasihatkan kepemimpinan peringkat Persekutuan dan negeri yang turut berada pada majlis berkenaan.

Ramai mendengar teliti nasihat ini dan rata-rata sememangnya yakin Pahang akan terus menjadi kubu kuat BN dan UMNO, cuma beberapa perkara perlu dileraikan secepat mungkin untuk membolehkan parti pemerintah menyusun langkah lebih tersusun untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Tinjauan untuk melihat gerakan politik akar umbi bagi Pahang, menyaksikan majoriti pemimpin bahagian meluahkan rasa lega kerana Perdana Menteri adalah orang negeri ini dan setiap isu pasti di-



tangani dengan berhemah bagi menjaga nama baik serta martabat kepemimpinan yang turut meletakkan istana sebagai tunjang utama.

"Cerita politik di sini masih banyak membabitkan isu nasional, manakala isu tempatan terutama membabitkan pemilihan calon dan penyusunan jentera pilihan raya, orang Pahang bernasib baik kerana Najib adalah Perdana Menteri.

"Komitahu, tugasnya amat besar pada peringkat nasional tetapi Najib sudah mahu menunjukkan contoh terbaik di negeri sendiri. Pemilihan calon mesti terdiri daripada pemimpin yang berkarisma, berwibawa dan pilihan rakyat, sebarang kemelut atau pertelingkahan akan cuba dielak bagi menunjang teladan kepada negeri lain," kata beberapa ahli politik tempatan yang ditemui.

Ramai pemimpin negeri tidak lagi menjadikan perselisihan faham sesama mereka sebagai isu besar, sebaliknya mula menggiatkan kempen untuk menangani sikap agresif pembangkang memburukkan kerajaan terutama membabitkan isu nasional.

"Contoh bagi Bera, kami menumpu perhatian kepada pengundi Cina, terutama untuk merampas kembali DUN Triang daripada DAP. Kerusi ini kuota GERAKAN, tetapi kelihatan ada pemimpin MCA yang menjadi pilihan rakyat. Ini adalah antara isu yang sedang kami selesaikan secara pemuafakatan BN nanti," kata Ahli Parlimennya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Penyokong BN terutama di kalangan bangsa Cina sedar akan sokongan kaum itu kepada DAP, serta tahu kempen parti pembangkang yang lebih ke arah menguasai kerusi Parlimen berbanding DUN.

"DAP yakin dengan sokongan pengundi Cina, kerana itu mereka agresif menyebarkan isu nasional ke peringkat akar umbi. Mereka mahu kerusi Parlimen kerana tidak perlu bersusah payah menjaga rakyat di peringkat akar umbi," kata Ketua Pemuda MCA Pahang yang juga Ketua Pemuda MCA Bahagian Bera, Wong Yoke Loong.

Pahang di bawah kepemimpinan Perdana Menteri sudah memulakan gerakan ke arah pembangkang 'sifar' pada PRU-13 nanti, bagaimanapun ia bergantung kepada semangat berpasukan yang lebih kukuh dan usaha menangani fitnah pembangkang dengan lebih agresif.